

**TEMPLAT LAPORAN PROJEK
PERTANDINGAN ANUGERAH INOVASI
JABATAN KESIHATAN NEGERI SABAH 2025**

1. PENGENALAN

a. PENGENALAN MENGENAI AGENSI

Penerangan ringkas mengenai latar belakang dan peranan agensi, fungsi program/ bahagian/ cawangan/ seksyen/ unit/ yang menghasilkan inovasi, piagam pelanggan berkaitan projek inovasi, ahli kumpulan inovasi, dan maklumat-maklumat lain yang berkaitan.

b. PENGENALAN MENGENAI INOVASI

Sila terangkan inovasi yang dihasilkan secara terperinci dengan memberi butir-butir seperti berikut :

i. Penerangan inovasi

Kategori pertandingan (perkhidmatan/ produk/ proses/ teknologi), ciri-ciri, objektif, penyelidikan yang dibuat, senarai prosedur (sila lampirkan carta aliran kerja jika ada)

ii. Bidang utama tumpuan inovasi

Bidang utama yang menjadi tumpuan inovasi. Inovasi boleh berlaku di bidang-bidang tertentu seperti pembangunan tenaga kerja, sistem pengurusan fail/rekod, pengurusan kewangan, pengurusan proses kerja, dan sebagainya.

iii. Butir-butir lain

Butir-butir lain seperti lokasi pelaksanaan inovasi, tarikh inovasi dimulakan, tempoh pelaksanaan, bilangan anggota yang terlibat, penilaian/ data ujian prototaip (jika ada), bahan/komponen yang digunakan, fungsi dan operasi barangan/ idea/ perkhidmatan inovasi, kegunaan, jumlah kos operasi yang terlibat dan maklumat-maklumat lain yang berkaitan.

2. SEBELUM DAN SELEPAS INOVASI DIHASILKAN

Keadaan sebelum inovasi

Sila huraikan keadaan yang diamalkan sebelum inovasi diperkenalkan. Huraian ini seboleh-bolehnya hendaklah disokong dengan gambar atau bukti tentang keadaan sebelum inovasi dilaksanakan serta masalah-masalah yang dihadapi.

Keadaan selepas pelaksanaan inovasi

Perbandingan mengenai kaedah/sistem yang digunakan, carta alir kerja sebelum dan selepas inovasi dihasilkan dan maklumat-maklumat lain yang berkaitan. Perlu disokong oleh data, gambar atau bukti lain yang jelas.

Faedah-faedah dari inovasi yang telah diperkenalkan

Sila nyatakan secara kuantitatif faedah-faedah hasil daripada inovasi yang telah dilaksanakan (jika ada) seperti berikut :

- i. Pengurangan kos operasi**
Sila nyatakan penjimatan kos operasi yang dicapai dengan pelaksanaan inovasi tersebut.
- ii. Penjimatan masa**
Sila nyatakan setakat mana inovasi tersebut telah menjimatkan masa perjalanan sesuatu urusan/proses.
- iii. Peningkatan tahap produktiviti**
Sila nyatakan setakat mana inovasi tersebut telah meningkatkan produk/hasil kerja.
- iv. Peningkatan tahap kepuasan hati pelanggan**
Sila nyatakan sejauh mana inovasi tersebut telah meningkatkan kepuasan hati pelanggan.
- v. Penjimatan tenaga manusia**
Sila nyatakan setakat mana inovasi tersebut dapat menjimatkan tenaga manusia
- vi. Lain-lain faedah**
Sila nyatakan lain-lain contohnya faedah inovasi yang dinikmati pengguna hasil daripada pelaksanaan inovasi tersebut.

3. KRITERIA PENILAIAN

Penerangan terperinci mengenai projek berdasarkan kriteria penilaian seperti yang dinyatakan dalam Format Pemarkahan Anugerah Inovasi JKNS 2025 (Lampiran 1c hingga 1f) iaitu kreativiti, signifikan, efisien, potensi pelaksanaan, *replicability* (tahap pelaksanaan), keberkesanan kos dan komitmen pengurusan atasan. Perlu disokong oleh data, gambar atau bukti lain yang jelas.

4. KESIMPULAN

Rumusan terhadap laporan

Nota :

1. Sediakan laporan 10 – 15 muka surat sahaja dengan **font Arial bersaiz 12 dan 1.5 spacing.**
2. Sila rujuk para 9.3 – Garis Panduan Penyertaan Anugerah Inovasi Jabatan Kesihatan Negeri Sabah 2025
3. Sila hantar *soft copy* (e-mel ke **inovasi.jknsabah@moh.gov.my**) sebelum atau pada **15 September 2025** dan tiga (3) salinan *hard copy* kepada Urus Setia Anugerah Inovasi **sebelum atau pada 29 September 2025**